

04/12/1999

PM terima tabik hormat 12 kontinjen

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima tabik hormat daripada 12 kontinjen yang menyertai kawad marin sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99) di sini.

Hadir sama menyaksikan perbarisan lintas hormat di hadapan Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) itu ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid dan beberapa pegawai kanan tentera laut.

Perbarisan membabitkan 500 anggota tentera laut daripada sembilan negara peserta Lima '99 itu bermula di Dataran Lang ke sebuah hotel di Kuah, sejauh tiga kilometer.

Mereka terdiri daripada anak kapal KD Mahawangsa, KD Hang Tuah, KD Sri Indera Sakti dan KD Lekir (Tentera Laut Diraja Malaysia), Pancaragam Tentera Laut Diraja United Kingdom dan BNS Osman (Bangladesh).

Selain itu, Kri Pandrong (Indonesia), PNS Tariq dan PNS Nasr (Pakistan), BRP Dagupan City (Filipina), RSS Daring (Singapura), USS Vincennes (Amerika Syarikat).

Lebih 1,000 orang yang hadir di sepanjang jalan bagi menyaksikan perbarisan itu kagum, khususnya pertunjukan kawad senyap oleh 32 anggota TLDM.

Mereka juga dihiburkan oleh pertunjukan kebudayaan daripada sembilan negeri yang mempersembahkan kesenian budaya masing-masing.

(END)